

'KUBUR' BALAK CURI DITEMUI

Sisa balak tutup alur sungai

» Pasukan siasatan sahkan 60 batang lagi balak ditebang

Oleh Jalal Ali
Mohd Abdul Rahim
jalal@bh.com.my

► Gerik

Siasatan berterusan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Perhutanan Perak membongkar lebih banyak kes kecurian kayu balak di Hutan Simpan Temengor, Banding dekat sini.

Terbaru, pasukan siasatan itu mengesahkan 60 batang lagi kayu balak ditebang secara haram di satu kawasan hutan berkenaan.

Kes itu dikesan selepas pegawai Jabatan Perhutanan Perak melakukan siasatan terperinci di lapangan dan mendapati semua pokok berkenaan ditebang di zon penampunan alur air dan luar kawasan permit.

Lebih malang, 'lanun rimba' bukan sahaja mencerooboh kawasan zon penampunan alur air, malah turut menghumbankan sisa balak dari lokasi bersebelahan ke kawasan itu hingga menjejaskan kualiti dan aliran air.

Tinjauan mendapati kawasan zon penampunan itu yang juga berada di kawasan lembah seperti baharu sahaja dilanda 'tsunami' apabila sisa balak berselerak di merata tempat dan menutup alur sungai.



Pihak berkuasa memeriksa sisa balak yang dibuang hingga menjejaskan aliran air.

(FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH)

nutup alur sungai.

Kawasan pembalakan itu berada kira-kira sejam perjalanan menaiki kenderaan pacuan empat roda dari 'matau' (tempat longgokan balak) di pesisir tebing Tasik Temengor.

Pernah didenda

Menurut sumber Jabatan Perhutanan, syarikat disyaki melakukan kesalahan itu pernah didenda RM40,000 kerana menebang sebatang pokok Merbau di luar kawasan permit.

"Kita sudah menggantung permit balak diberikan kepada syarikat itu," katanya sambil mengesahkan laporan polis mengenainya sudah dibuat dan

siasatan lanjut masih diteruskan meliputi keseluruhan 80 hektar kawasan permit balak berkenaan.

Ketua Integriti Pejabat Menteri Besar Perak, Anuar Mohd Noh, yang turut menyertai pasukan siasatan meninjau kawasan itu berkata, pada mulanya pasukan berkenaan hanya menemui enam pokok balak ditebang di luar kawasan permit.

"Namun siasatan lanjut men-

dapati bilangan balak yang ditebang mencecah 60 batang, termasuk di zon penampunan alur air dan aktiviti ini dilakukan secara haram.

"Zon penampunan ini tidak boleh diusik sama sekali tetapi apa yang berlaku di sini, termasuk mereka menebang di bahagian atas dan membuangnya ke bawah (zon penampunan alur air) hingga air boleh tercemar," katanya.

Sementara itu, Anuar berkata berdasarkan maklumat sahih pasukan siasatan cuba ke satu lagi lokasi yang lebih jauh ke dalam hutan yang didakwa berlaku kecurian balak lebih besar, tetapi gagal kerana jambatan ba-

lak merintang Sungai Sarah roboh.

Katanya, usaha sedang dibuat untuk membawa pasukan itu menyeberangi sungai, termasuk dengan membina rakit.

"Kita juga akan berbincang dengan Jabatan Perhutanan Perak dan kerajaan negeri berhubung penggunaan helikopter bagi memudahkan operasi," katanya.

Anuar berkata, SPRM dan Jabatan Perhutanan akan meneruskan pemeriksaan bukan sahaja di kawasan dikenal pasti berlaku kes kecurian balak, malah di kawasan lain bagi memastikan kegiatan haram itu dapat dibanteras sepenuhnya.

Enggan ulas

Ditanya mengenai kemungkinan wujud unsur rasuah, beliau tidak menolak kemungkinan itu, namun enggan mengulas lanjut kerana kes masih dalam siasatan.

Anuar berkata, sehingga kini 12 jentera berat disita, termasuk dua ponton milik syarikat yang sedang disiasat berhubung kegiatan mencuri balak.

Ketika ini keadaan dalam kawasan pembalakan dan kongsi di matau utama lenggang apabila Jabatan Perhutanan Perak mengarahkan aktiviti pembalakan di situ dihentikan dan kawasan dikosongkan bagi tujuan siasatan.

Semalam BH mendedahkan taktik baharu 'lanun rimba' menanam balak dicuri di dalam tanah sebagai usaha terakhir mereka menyembunyikan hampir 400 tan balak bernilai lebih RM1 juta yang dicuri di tiga lokasi di hutan sama.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar
dan video

Kawasan lembah seperti baru sahaja dilanda 'tsunami' apabila sisa balak berselerak di merata tempat dan menutup alur sungai.

